

Kempen secara elok: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin
— Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah lebih baik jika salah seorang daripada calon yang bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden Umno, November ini, menarik diri.

Bagaimanapun, Presiden Umno itu berkata, kalau pertandingan tidak dapat dielakkan, semua pihak terabit harus memastikan kempen mereka tidak akan menimbulkan masalah kepada parti dan negara.

"Kalau ada sesiapa yang tidak mahu bertanding, baguslah," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Taman Wawasan Public Bank di sini petang ini.

Beliau diminta mengulas keputusan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi ini bahawa beliau sedia menerima pencalonan untuk bertanding jawatan nombor dua dalam parti itu.

Perdana Menteri dita-

LIHAT MUKA 2

Kempen secara elok: Mahathir

DARI MUKA 1

nya mengenai pandangan beberapa Menteri Besar yang hadir dalam sidang akhbar Anwar pagi ini bahawa salah seorang daripada calon Timbalan Presiden Umno, harus mengundur diri.

Sambil mengesahkan Anwar ada memberitahunya mengenai hasrat bertanding jawatan itu sebelum membuat pengumuman, Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu memberi restu kepada sesiapa.

"Saya berkecuali. Kalau kita tidak dapat elak daripada pertandingan, tugas saya ialah selepas keputusan, saya kenalah rapat balik semua ahli termasuk yang kalah, yang menang, mesti bersatu semula supaya kita dapat tentukan

Umno terus kukuh," katanya.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada calon yang akan bertanding dalam tempoh berkempen dua bulan mulai sekarang, beliau berkata semua pihak harus berkempen secara elok.

"Sebagai presiden, saya berharap kempen ini tidak memberi bahan kepada parti lawan menghentam Umno," katanya.

Ditanya sama ada beliau yakin bahawa perpaduan dalam Umno tidak akan terjejas, Dr Mahathir berkata:

"Kalau tidak bertanding mudah sikit. Tapi kalau bertanding, kita ada masalah sikit nak menyatupadukan balik. Sebab itu saya mesti tidak memihak kepada mana-mana pihak."